



POLISI ANTIRASUAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



IMBAS KOD QR

POLISI ANTIRASUAH KBS



KBSMALAYSIA

AMANAT KETUA SETIAUSAHA KBS

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izin-Nya Polisi Antirasuah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dapat diterbitkan untuk rujukan warga KBS dan masyarakat umumnya.

Dalam mendepani cabaran kerja dan rutin harian yang berubah, adalah penting untuk warga KBS terus komited menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dalam norma baharu serta patuh akan Peraturan Pegawai Awam yang berkuatkuasa. Justeru, polisi ini merupakan salah satu **inisiatif mendidik** dan **memupuk** nilai integriti dalam memastikan kecemerlangan perkhidmatan awam bertunjangkan budaya kelas pertama yang berteraskan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**.

Saya amat berharap agar semua warga KBS di pelbagai peringkat, jabatan dan agensi dapat menjadikan polisi ini rujukan komprehensif dan inklusif seterusnya dapat membanteras gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB

Ketua Setiausaha

Kementerian Belia dan Sukan



ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI

Salam Sejahtera,

Terima kasih dan syabas kepada semua warga KBS yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada Unit Integriti (UI) KBS dalam menggerakkan inisiatif-inisiatif murni untuk mendidik dan membudayaan nilai integriti dalam kalangan warga KBS. Berpaksikan kepada komitmen Kerajaan dalam membendung gejala Rasuah terutamanya dalam kalangan penjawat awam, UI telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif meliputi elemen **pendidikan, pencegahan** serta **penguatkuasaan**.

Walau bagaimanapun, peranan ini amat besar ertinya jika semua warga KBS memikul tanggungjawab ini bersama-sama dalam memastikan budaya integriti terus disemai dan menjadi amalan sihat dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Dengan adanya Polisi Antirasuah KBS ini, adalah diharapkan agar KBS dapat mengorak langkah ke arah **toleransi sifar terhadap rasuah**. Atas sebab ini, adalah amat penting untuk setiap warga KBS memahami dan mempraktikkan budaya integriti walaupun dalam norma baharu. Pemantauan dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa menjadi asas kepada budaya kerja yang berintegriti.

Saya bagi pihak warga kerja UI keseluruhannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang menayakan inisiatif ini. Semoga polisi ini dapat memberi manfaat kepada penjawat awam khususnya warga KBS dalam memerangi rasuah dan salah laku.

GEETHA RAMACHANDRAN

Ketua Unit Integriti

Kementerian Belia dan Sukan

ISI KANDUNGAN

01

PENGENALAN

2

- LATAR BELAKANG
- OBJEKTIF
- PEMAKAIAN
- TUJUAN
- TAKRIFAN

02

POLISI, KESALAHAN DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN ANTIRASUAH

6

- PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH KBS
- PERLAKUAN YANG BERPOTENSI RASUAH
- KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH
- UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA

03

PERANAN DAN TINDAKAN PENCEGAHAN

13


- PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KBS
- PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT
- PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM
- PERTANYAAN DAN LAPORAN

04

PENUTUP

17

- TARIKH KUAT KUASA
- PENUTUP
- RUJUKAN



PENGENALAN

LATAR BELAKANG

- 1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 4 Bil. 1/2020 pada 30 Jun 2020 telah membentangkan kertas pemakluman berkaitan Statistik Tangkapan/ Pertuduhan SPRM 2019 – Fokus Penjawat Awam oleh SPRM. Menerusi pembentangan tersebut perkara yang ditekankan adalah berkaitan pemerkasaan integriti dalam kalangan belia penjawat awam.
- 1.2 Laporan *Public Service Corruption Ranking (PSCR)* Tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menarafkan KBS sebagai Kementerian berisiko sederhana dengan kedudukan ke 11 daripada 25 Kementerian.
- 1.3 Laporan kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) KBS 2019 secara keseluruhannya berada pada tahap **Boleh Diterima Dengan Meneruskan Usaha Peningkatan**. Tahap ini boleh diperbaiki sekiranya penyertaan program diperluaskan kepada semua pegawai dan kakitangan di setiap peringkat kumpulan perkhidmatan agar pengamalan nilai yang diukur dapat diterapkan dan dihayati secara menyeluruh dalam kalangan warga KBS.
- 1.4 Bagi tujuan tersebut, adalah amat penting untuk KBS membangunkan Polisi Antirasuah sebagai usaha membendung gejala rasuah dan mendidik warga KBS agar terus menjadikan integriti sebagai budaya sihat dalam kehidupan seharian.

OBJEKTIF

2.1 Objektif Polisi Antirasuah KBS adalah untuk:

- i. Menyediakan halatuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas;
- ii. Meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa;
- iii. Meningkatkan imej KBS sebagai sebuah Kementerian yang bebas rasuah dan berintegriti.

PEMAKAIAN

3.1 Polisi ini merupakan garis panduan antirasuah yang terpakai kepada warga KBS serta Jabatan/ Agensi di bawahnya. Ia turut terpakai kepada pemegang taruh, individu perseorangan yang berurusan dengan warga KBS.

TUJUAN

4.1 Polisi Antirasuah KBS merupakan garis panduan yang bertujuan untuk mencegah gejala rasuah serta mendidik budaya integriti dalam kalangan warga KBS dan rakyat Malaysia.

TAKRIFAN

5.1 Polisi Antirasuah KBS melibatkan empat (4) elemen penting yang ditafsirkan sebagaimana berikut:

01

AKTA
SPRM 2009
[AKTA 694]

RASUAH

Membawa maksud tindakan **memberi** atau **menawarkan**, **menerima** atau **meminta** atau **setuju untuk menerima** atau **meminta suapan** secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

02

AKTA
SPRM 2009
[AKTA 694]

SUAPAN

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009 [**Akta 694**]. Contoh suapan adalah apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan dan untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f);

03

WARGA KBS

Pegawai dan kakitangan sesuatu badan awam seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 16(B) [**Akta 694**] yang berkhidmat di Ibu Pejabat/ Jabatan/ Agensi di bawah KBS sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik, Menteri, Timbalan Menteri dan ahli lembaga pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KBS.

04

PEMEGANG TARUH/ INDIVIDU

Orang awam sama ada Warganegara/ Bukan Warganegara/ Organisasi/ Perseorangan yang berurusan dengan warga KBS bagi tujuan mendapatkan atau memberi perkhidmatan.



POLISI, KESALAHAN DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN ANTIRASUAH

PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH KBS

- 6.1 Dalam mendukung visi serta misi ke arah pembangunan belia dan sukan yang cemerlang, Kementerian dengan iltizam dan-keazaman akan memberi penekanan kepada tiga (3) elemen penting Polisi Antirasuah KBS iaitu:

Pencegahan

1. Mensasarkan pendekatan toleransi sifar terhadap rasuah/ *zero tolerance towards corruption* dalam segenap urusan. Kerja dilaksanakan dengan penuh berintegriti, akauntabiliti dan telus;
2. Menambahbaik sistem dan prosedur kerja agar sentiasa efektif dan efisien dan
3. Usaha Pencegahan Rasuah berteraskan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Dasar-dasar serta Undang-undang yang berkuatkuasa disebarluas kepada pegawai dan kakitangan.

Pendidikan


1. Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan kepentingan integriti dalam organisasi menerusi penganjuran seminar, kursus, hebahan serta pendidikan secara formal dan tidak formal.
2. Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta tadbir urus yang baik menerusi naziran oleh Jawatankuasa Fungsi Pematuhan.

Penguatkuasaan

1. Menerima, meneliti dan mengambil tindakan ke atas aduan/ maklumat salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
2. Melaporkan semua aduan berkaitan kesalahan rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

PERLAKUAN YANG BERPOTENSI RASUAH

7.1 Berdasarkan situasi semasa kes-kes rasuah, berikut merupakan perlakuan-perlakuan yang berpotensi rasuah iaitu:



KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

8.1 Kesalahan-kesalahan rasuah yang utama mengikut Akta SPRM 2009 [Akta 694]:

A

KESALAHAN	Meminta/ menerima rasuah [Seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	En. XYZ (YDP Majlis Perbandaran A) dituduh meminta dan menerima rasuah daripada kontraktor berkaitan projek pembangunan Kompleks Sukan di daerah C, seluas lebih kurang 10 ekar. Sebagai balasan, beliau menjanjikan proses kelulusan dan bantuan dalam kelicinan perjalanan projek tersebut.

B

KESALAHAN	Memberi suapan [Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	Seorang kontraktor telah memberi rasuah berupa wang tunai sebanyak RM30,000.00, cek tunai bernilai RM30,000.00, dan satu golf set jenis 'Mizuno' berharga RM2,500.00 kepada pegawai A sebagai dorongan untuk lulus tender. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara empat (4) tahun dan denda berjumlah RM1.925 juta.

C

KESALAHAN	Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	Bekas Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti ABC, Datuk EFG membuat perakuan penerimaan barangan bertarikh 24 Mac 19xx dengan memperakui bahawa barang berharga RM138,600 telah diterima dalam keadaan memuaskan sedangkan ianya tidak dibekalkan. Namun bayaran telah dibuat.

D

KESALAHAN	Secara rasuah mendapatkan penarikan balik tender [Seksyen 20 Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	Ahli perniagaan percaya bahawa bayaran kepada pegawai kerajaan adalah satu amalan biasa atau bayaran diminta dari ahli perniagaan itu. Contohnya beliau tidak akan dapat kontrak itu atau memenangi tender itu jika beliau tidak buat bayaran Rasuah.



KESALAHAN	Penyogokan pegawai badan awam [Seksyen 21 Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	Seorang kontraktor memberi suapan sebanyak RM1,500 kepada Pegawai Pengurus Sukan dengan niat untuk mempercepatkan permohonan permitnya itu.



KESALAHAN	Salah guna kuasa [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]
CONTOH KES	Pegawai Badan Awam atau anggota Pentadbiran kerajaan menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

8.2 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta SPRM 2009 [Akta 694].

Sub-Seksyen 24 (1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 apabila disabitkan boleh:

- (a) **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun**; dan
- (b) **didenda tidak kurang daripada lima kali ganda** jumlah; atau **nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, **atau sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

Sub-Seksyen 24 (2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 18 apabila disabitkan boleh:

- (a) **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun**; dan
- (b) **didenda tidak kurang daripada lima kali ganda** jumlah atau **nilai butir matan yang palsu** atau **silap** itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau **sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

8.3 Kesalahan Rasuah oleh Organisasi Komersial (Liabiliti Korporat) Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018 [Akta A1567]

Sub-Seksyen 17A (1) – Kesalahan (Organisasi Komersial)

Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika **seseorang yang bersekutu** dengan organisasi komersial itu **secara rasuah memberikan**, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau, menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa **suapan** sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat;

- (a) untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- (b) **untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.**

Sub-Seksyen S17A (2) - Hukuman

Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada **sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, **atau satu juta ringgit**, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **dua puluh tahun** atau **kedua-duanya**.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA

9.1 Undang-undang dan peraturan yang berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

- i. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 [*Akta 694*];
- ii. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2018 (Pindaan) [*Akta A 1567*].
- iii. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- iv. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*];
- v. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*];
- vi. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan Dan Tatatertib) 1993; [P.U.(A) 395/1993] ; dan
- vii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).



PERANAN DAN TINDAKAN PENCEGAHAN

PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KBS

10.1 Inisiatif pencegahan dalam kalangan warga KBS ke arah toleransi sifar terhadap rasuah/ *zero tolerance towards corruption* boleh dilaksanakan dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- 01 JANGAN MINTA**
Warga KBS dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.
- 02 TOLAK**
Warga KBS hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.
- 03 LAPOR**
Warga KBS hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan; atau Unit Integriti KBS atau SPRM

10.2 Warga KBS boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
- ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- iii. Di manakah (*where*) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

- 11.1 **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]** merupakan suatu Akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, untuk **melindungi orang yang membuat pendedahan** itu daripada tindakan yang memudaratkan, untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

- 12.1 Pengiktirafan dalam bentuk **sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat** di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau **ganjaran** boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan **Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara no. Rujukan SPRM/BKP:20/22/1.9** bertarikh 11 Mei 2011.

PERTANYAAN DAN LAPORAN

- 13.1 Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 5, Menara KBS
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)

e-mel kepada integriti@kbs.gov.my; atau

SISTEM ADUAN INTEGRITI

myintegriti.kbs.gov.my



- 01. BI BAWA KEDAH
- 02. BENTUK-JENIS BAWAH
- 03. HIMPUNAN ORGANISASI
- 04. STRUKTUR ORGANISASI
- 05. PUNCA-PUNCA BAWAH
- 06. BAWAH ORGANISASI - PUNCA

PENUTUP

TARIKH KUAT KUASA

14.1 Polisi Antirasuah Kementerian Belia dan Sukan ini adalah berkuat kuasa mulai 6 November 2020.

PENUTUP

15.1 Pembangunan dan penguatkuasaan Polisi Antirasuah KBS ini adalah diharapkan dapat memberi pemahaman dan kesedaran kepada warga KBS serta masyarakat berhubung kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 [Akta 694] serta meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah.

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2018 (Pindaan) [Akta A 1567].
3. Kanun Keseksaan [Akta 574].
4. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605].
5. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].
6. Akta Perindungan Pemberi Maklumat [Akta 711].
7. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan.
8. Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. Jabatan Perdana Menteri;
9. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).
10. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.
11. *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) 2019.
12. *Corruption Risk Management* (CRM) Kementerian Belia dan Sukan, Tahun 2019.
13. Laporan Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Kementerian Belia dan Sukan, Tahun 2019.

DITERBITKAN OLEH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

UNIT INTEGRITI
ARAS 5, MENARA KBS, PRESINT 4 NO. 27, PERSIARAN PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA

T 03-88713572 F 03-88888771

**UNIT INTEGRITI
ARAS 5, MENARA KBS, PRESINT 4
NO. 27, PERSIARAN PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570**

E-MEL
integriti@kbs.gov.my

SISTEM ADUAN INTEGRITI
myintegriti.kbs.gov.my



IMBAS KOD QR
POLISI ANTIRASUAH KBS

